


KURIKULUM BAHARU PROGRAM ASASI SAINS PERTANIAN

Program Asasi Sains Pertanian merupakan satu-satunya program asasi yang ditawarkan di Universiti Putra Malaysia dibawah pengurusan Pusat Asasi Sains Pertanian. Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2005 dan telah beroperasi lebih sedekad usianya dengan tujuan asal penubuhan untuk melahirkan pelajar ke program prasiswazah dengan usaha menempatkan 70% dari pelajar ke program bachelor yang berteraskan agro. Pada awal penubuhannya, PASP menawarkan Program Asasi Sains Pertanian dengan enrolmen 30 orang pelajar dan sehingga kini bilangan pelajar telah meningkat mencapai hampir 800 orang pelajar.



Sama seperti program Asasi Sains di Universiti Awam lain Program Asasi Sains Pertanian menerapkan asas yang kukuh kepada pelajar dalam bidang sains. Pelajar perlu melalui sesi pengajian yang merangkumi kuliah, amali, dan kerja kursus sepanjang setahun. Walaubagaimanapun pelajar juga berpeluang untuk menjalankan pelbagai aktiviti lain seperti ; sukan, aktiviti kemasyarakatan, keraian dan pelbagai aktiviti yang memupuk kemahiran insaniah mereka melalui Persatuan ASPer UPM.



Selari dengan perkembangan semasa Program Asasi Sains Pertanian juga turut membuat perancangan bagi menambahbaik struktur kurikulum agar sesi pengajaran dan pembelajaran lebih berkualiti.



Program Asasi Sains Pertanian telah melalui proses semakan semula kurikulum dan telah menjalani Audit Swa Akreditasi pada 22-23 Mac 2017. Susulan itu Program Asasi Sains Pertanian telah mendapat kelulusan Mesyuarat Swa Akreditasi pada 27 Mac dan seterusnya mendapat kelulusan Senat pada 3 April 2017.

Bermula sesi 2017/2018, tempoh pengajian bagi Program Asasi Sains Pertanian adalah **setahun** namun dilaksanakan menerusi **dua (2) semester** dengan jumlah kredit sebanyak **56 kredit**. Perincian kursus yang akan diambil oleh pelajar Program Asasi Sains Pertanian adalah seperti berikut:

SEMESTER PERTAMA

Kod Kursus	Kursus	Kredit
ASA0104	Industri Pertanian & Makanan	5(4+1)
ASB0204	Biologi I	5(4+1)
ASC0304	Kimia I	5(4+1)
ASM0404	Matematik I	5(5+0)
ASP0504	Fizik I	5(4+1)
BBI2001	Foundation English	3(2+1)
		28

SEMESTER KEDUA

Kod Kursus	Kursus	Kredit
ASA0105	Keusahawanan dan Pemasaran Produk Pertanian	5(4+1)
ASB0205	Biologi II	5(4+1)
ASC0305	Kimia II	5(4+1)
ASM0405	Matematik II	5(5+0)
ASP0505	Fizik II	5(4+1)
BBI2002	Introduction to Academic English	3(2+1)
		28

Lepasan program ini boleh melanjutkan pengajian mereka ke mana-mana program peringkat ijazah di UPM setelah menamatkan program ini dan memperoleh PNGK yang baik.